

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA  
[TENGGARA ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 36**

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh Menteri Agama tentang keimbangan terhadap “orang jahil” bercakap tentang agama Islam berlaku dewasa ini terutama wakil rakyat bukan Islam di beberapa negeri mengagih zakat.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam aspek pengagihan zakat, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah kelompok penerima bantuan zakat yang disebut sebagai golongan asnaf. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran surah At-Taubah ayat 60, zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan iaitu penyampaian bantuan zakat oleh pemimpin bukan Islam antaranya di Pulau Pinang, suka untuk saya memetik ulasan Mufti Pulau Pinang yang menyatakan tindakan tersebut adalah harus dan bukan haram.

Oleh itu, masyarakat tidak boleh menyatakan perbuatan wakil rakyat bukan Islam itu sebagai bertentangan dengan ajaran Islam tanpa bersandarkan kepada dalil syara' yang betul.

Penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam penyampaian bantuan tersebut atas kapasiti mereka sebagai pimpinan setempat dan apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Quran.

Dalam hal ini saya menyeru MAIN untuk menyediakan satu panduan agihan zakat yang dapat memperhalusi perkara ini.

Di bawah kerajaan Persekutuan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebelum ini telah mengeluarkan manual pengurusan agihan zakat dan dari masa ke semasa akan menambahbaik manual tersebut.

Sekian, terima kasih.